

**PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN GOLF
SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025
(LELAKI DAN WANITA)**

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Pertandingan Golf **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025** akan dikelolakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan yang dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 1.2 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut *Rules of Golf* yang telah diluluskan oleh **Royal and Ancient Golf Club Of St. Andrews (R & A)** dan '*Local Rules*' yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Sabah XI, Tawau 2025.
- 1.3 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.4 Kejadian luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam Peraturan atau Undang-Undang berkenaan, akan diputuskan seperti berikut:
 - 1.4.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berdasarkan kepada **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
 - 1.4.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Pengarah Pertandingan berdasarkan kepada *Royal and Ancient Golf Club Of St. Andrews (R & A)*.
- 1.5 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025** adalah muktamad.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN DAN TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 2.1 Taklimat Pengurus Pasukan : **14 Oktober 2025**.
- 2.2 Pertandingan ini akan bermula pada **15 hingga 16 Oktober 2025**.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan ini akan diadakan di **Shan Shui Golf and Country Club**.

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua penduduk Negeri Sabah di setiap daerah.
- 4.2 Setiap daerah hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan wanita terdiri daripada:

	Lelaki	Wanita
Pengurus Pasukan	1 orang	-
Jurulatih	1 orang	1 orang
Peserta	4 orang	3 orang
Jumlah	6 orang	4 orang

5.0 KELAYAKAN PESERTA & JURULATIH

- 5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun **2005 hingga 2013** sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua peserta hendaklah mengemukakan salinan Kad Pengenalan dan gambar berukuran Pasport semasa pendaftaran peserta.
- 5.3 Sebarang pertukaran peserta/atlet atau pindaan/pertukaran kategori perlu mengisi **Borang Y** (pertukaran atlet) dan dihantar kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan sebulan sebelum kejohanan bermula.
- 5.0 Pendaftaran dan kelayakan peserta adalah tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 4.8 dan 4.9**.
- 5.1 **Jurulatih Golf setiap daerah perlu memiliki sekurang-kurangnya Sijil Kejurulatihan Tahap 1 atau Sijil Sains Sukan Tahap 1.**

6.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta Kad Pengenalan. **Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.**
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad. Selepas Taklimat Pengurus Pasukan, sebarang permohonan pertukaran/gantian peserta tidak dibenarkan.

7.0 PERATURAN PERTANDINGAN

7.1 Tempat Pukul Mula

- 7.1.1 Kotak (Teeing Ground) Biru untuk kategori lelaki.
- 7.1.2 Kotak (Teeing Ground) Merah untuk kategori wanita.

7.2 Masa Permulaan

Peserta-peserta dikehendaki melaporkan diri kepada Pegawai Pelepas (*Official Starter*) 15 minit sebelum masa bermula. Jika peserta berada di tempat permulaan bersedia memulakan permainan dalam masa lima minit selepas masa bermula dengan sebab-sebab yang munasabah akan dikenakan penalti mengikut Peraturan 33-7, penalti yang dikenakan kerana gagal bermula pada waktu yang ditetapkan adalah 2 pukulan (*2 strokes*), tetapi penyertaan tidak akan dibatalkan.

7.3 Slow Play

Peserta diminta untuk memberi perhatian kepada Peraturan Golf 6-7 mengenai melambatkan permainan. Untuk memastikan permainan dijalankan dengan adil, Jawatankuasa Pertandingan tidak akan teragak-agak untuk mengenakan tindakan penalti seperti yang terdapat di dalam peraturan berkenaan.

7.4 Kedi

- 7.4.1 Tidak dibenarkan untuk membantu peserta semasa pertandingan. Pemain perlu berjalan kaki semasa pertandingan dijalankan. Setiap peserta tidak dibenarkan memandu atau menaiki mana-mana pengangkutan/kenderaan golf (Buggy) semasa pertandingan kecuali mendapat kebenaran daripada Jawatankuasa Teknikal Pertandingan.
- 7.4.2 Penalti sebanyak dua (2) pukulan stroke dan Maksima empat (4) pukulan stroke akan dikenakan untuk setiap Lubang.
- 7.4.3 Peralatan Golf (Bag Golf) peserta akan disimpan di kenderaan golf (Buggy) secara perkongsian dan seorang pemandu akan disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan. Pemandu kenderaan (Buggy) tidak dibenarkan menyediakan perkhidmatan Kedi.
- 7.4.4 Jawatankuasa Teknikal Pertandingan berhak mengubah peraturan penggunaan Kenderaan Golf (Buggy) jika terdapat keperluan.

7.5 Bola Yang Dibenarkan

Bola-bola yang digunakan bagi pertandingan hendaklah yang dibenarkan seperti dalam senarai '*Conforming Golf Balls*' yang dikeluarkan oleh *Royal and Ancient Golf St. Andrews* terkini. Penalti - Pembatalan.

7.6 Alat Mengukur Jarak (*Distance Measuring Device*)

Hanya alat yang mengukur jarak sahaja yang dibenarkan dalam Temasya Sukan Sabah XI, Tawau 2025 seperti GPS Golf Watch atau hand held.

7.7 Keputusan

Jawatankuasa Pertandingan akan melantik *Rules Committee* di mana segala keputusan yang melibatkan pertandingan adalah muktamad.

8.0 SISTEM PERTANDINGAN

8.1 Acara Berpasukan

Setiap pasukan lelaki terdiri dari 3 atau 4 pemain dan seorang ketua pasukan dan setiap pasukan wanita terdiri dari 2 atau 3 pemain dan seorang ketua pasukan. Ketua Pasukan tidak semestinya bermain.

8.2 Skor (*Score*)

- 8.2.1 Pertandingan ini akan ditentukan melalui stroke play dalam 2 pusingan bagi lelaki, 2 pusingan bagi wanita. Jika terdapat sebarang perkara yang menyebabkan permainan 36 lubang tidak dapat dijalankan, Jawatankuasa Pertandingan berkenaan berhak untuk membatalkan mana-mana pusingan bergantung kepada budi bicara Jawatankuasa tersebut.

- 8.2.2 Jumlah 3 skor yang terendah dalam setiap pusingan (untuk lelaki) dan jumlah 2 skor yang terendah dalam setiap pusingan (wanita) yang telah diperolehi oleh pemain dalam setiap pasukan akan dikira sebagai skor pasukan untuk pusingan yang berkenaan. Jumlah skor untuk 2 pusingan akan dikira sebagai jumlah skor untuk pertandingan. Pasukan yang berjaya mengutip skor yang terendah bagi acara lelaki dan wanita akan dikira sebagai pemenang dalam acara masing-masing.

8.3 Seri untuk kedudukan pertama, kedua atau ketiga

- 8.3.1 Jika terdapat keputusan seri, kedudukan akan ditentukan dengan mengambil kira jumlah skor pasukan bagi 18 lubang dalam pusingan terakhir (pusingan kedua), jumlah skor 18 lubang dalam pusingan pertama mengikut yang mana terdahulu. Jika keputusan tidak tercapai maka keputusan akan dibuat dengan mengira balik jumlah skor pasukan 9 lubang terakhir, atau 6 lubang terakhir atau 3 lubang terakhir mengikut mana terdahulu. Jika keputusan tidak juga tercapai maka keputusan akan dibuat dengan mengira balik pukulan bagi satu lubang ke satu lubang bermula lubang yang penghabisan bagi 18 lubang yang terakhir.
- 8.3.2 Keputusan seri untuk kedudukan berikutnya bagi pasukan-pasukan yang tidak terlibat dengan play-off akan ditentukan melalui sistem '*count back*'.

8.4 Acara Individu

Skor yang diperolehi oleh peserta-peserta individu dalam acara berpasukan dikira untuk acara individu.

- 8.4.1 Jika terdapat keputusan seri untuk tempat pertama, keputusan akan diambil melalui sudden death *hole-by-hole play-off*. (Playoff akan menentukan kedudukan seterusnya).
- 8.4.2 Sebarang keputusan seri bagi kedudukan berikutnya untuk peserta-peserta yang tidak terlibat dengan play-off akan diputuskan dengan kiraan semula dalam 18 lubang terakhir, 9 lubang terakhir, 6 lubang terakhir, 3 lubang terakhir, 2 lubang terakhir dan lubang terakhir mengikut susunan di atas.

9.0 PEMBATALAN

- 9.1 Seseorang pemain yang dibatalkan daripada sesuatu pusingan tidak bermakna ia dibatalkan terus daripada menyertai pertandingan seterusnya melainkan diputuskan oleh Jawatankuasa Pertandingan.

10. UNDIAN

- 10.1 Masa permulaan dan penentuan kumpulan untuk pusingan pertama dan kedua akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pertandingan.
- 10.2 Masa permulaan dan penentuan kumpulan untuk pusingan ketiga dan akhir bagi pasukan lelaki dan pusingan akhir bagi pasukan wanita akan berpandukan kepada kedudukan pasukan masing-masing.

11. INSURAN

- 11.1 Setiap pasukan diwajibkan untuk mendapatkan Insuran perlindungan (*Daily Golf Insuran*) sepanjang pertandingan dijalankan, Kos adalah atas tanggungan pasukan masing-masing.
- 11.2 Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Sabah, Jawatankuasa Tertinggi Sukan Sabah dan Jawatankuasa Pelaksana Sukan Sabah **TIDAK** akan bertanggungjawab jika sebarang kemalangan atau kecelakaan berlaku kepada mana-mana pihak semasa pertandingan dijalankan.

12. HADIAH

- 12.1 Pingat-pingat yang disediakan adalah seperti berikut:

Kategori Lelaki	Emas	Perak	Gangsa
Berpasukan	1(4)	1(4)	1(4)
Individu	1	1	1
Jumlah	2 (5)	2 (5)	2 (5)

Kategori Wanita	Emas	Perak	Gangsa
Berpasukan	1(3)	1(3)	1(3)
Individu	1	1	1
Jumlah	2 (4)	2 (4)	2 (4)

- 12.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada **Peraturan Tetap 14.3**